

## **PESERTA GISO MENABUR BAKTI DI BANDAR HO CHI MINH**

Oleh: Norfatiha binti Ibrahim, 1171102,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia  
Disiarkan pada 23 April 2020



Bergambar bersama pelajar-pelajar Madrasah An-Nour.

Sekumpulan pelajar tahun tiga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) termasuk penulis berpeluang mengikuti program Global Islamic Students Outreach (GISO) di Bandar Ho Chi Minh mulai 9 hingga 15 Februari 2020.

Walaupun seminggu kami berada di sana, ia masih belum mencukupi untuk kami mengenali keunikan budaya dan tradisi orang Melayu Champa di bandar yang pernah dikenali sebagai Saigon itu.



Objektif utama program GISO adalah untuk menyumbang bakti kepada umat Islam yang hidup sebagai golongan minoriti di bandar berkenaan. Pada masa yang sama, kami turut mengambil kesempatan dengan melakukan aktiviti ziarah dan melancong di sekitar Bandar Ho Chi Minh.



Penulis di salah satu lokasi program.

Hendak dijadikan cerita, rancangan asal kami terpaksa diubah berikutan wabak COVID-19 yang mula menular di seluruh dunia. Malah, pada mulanya, pihak pengurusan di salah satu lokasi dalam program enggan menerima kunjungan kami kerana bimbang dengan risiko jangkitan virus.

Atas dasar bertolak ansur, akhirnya mereka mengubah fikiran dan membenarkan kami datang untuk menyampaikan sumbangan serta hadiah. Kami tidak berdepan masalah yang sama di dua lokasi lain namun masa untuk melakukan aktiviti disingkatkan.

Antara aktiviti yang kami lakukan di sana adalah bengkel Mari Belajar Jawi. Kami mengajar pelajar-pelajar madrasah dengan memperkenalkan kaedah serta formula yang mudah untuk menulis dan membaca jawi.

Kami turut melakukan aktiviti permainan Cuba Teka di mana pelajar-pelajar madrasah perlu meneka gaya yang dilakonkan dan menulis jawapan dalam tulisan jawi. Mereka juga diberi pendedahan tentang kaedah mudah mempelajari Bahasa Arab dengan menggunakan lagu dan formula.

Aktiviti-aktiviti lain adalah permainan Radio Rosak, menghasilkan origami dan demonstrasi penggunaan cecair pembersih tangan kepada anak-anak yatim dan warga emas. Mereka kelihatan sangat seronok mengikuti semua aktiviti tersebut lebih-lebih lagi ketika menyaksikan dikir barat yang dipersembahkan peserta-peserta GISO.



Sesi minum teh dan makan ubi kayu di Terowong Chu Chi.

Program kami berjalan lancar hasil kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh pemandu-pemandu pelancong kami iaitu Encik Razak, Pok Lah dan Encik Sarip. Ketiga-tiga mereka rakyat Malaysia yang telah menetap di sana selama empat hingga lima tahun.

Walaupun mereka masih fasih bertutur dalam bahasa Melayu, apabila mereka bercakap, bunyinya seperti orang Vietnam sedikit. Melalui pertolongan mereka, kami dapat menguruskan program GISO dengan baik dan mencari rumah anak yatim Muslim yang sesuai untuk kami melakukan aktiviti tambahan.

Pemandu-pemandu pelancong kami turut menunjukkan tempat membeli-belah yang menjual barangan pada harga yang sangat murah. Kami sangat lega apabila mereka membantu mendapatkan makanan halal pada harga berpatutan.

Harga makanan halal di Bandar Ho Chi Minh sangat mahal. Bayangkanlah, sepinggan nasi goreng dijual pada harga RM12. Kalau mahu makanan yang sedap dan mengikut selera kita, sudah tentu lebih mahal harganya.

Pengalaman menyertai program GISO di Bandar Ho Chi Minh memang sangat berharga untuk kami. Jika ada peluang, sudah tentu kami ingin menjejakkan kaki lagi di bandar yang penting dalam sejarah Vietnam itu.



Penulis di Lapangan Terbang Antarabangsa Ho Chi Minh sebelum menaiki pesawat pulang ke Malaysia.